



**BAB**  
**XXI**

## WANG RIZAB

“Orang yang paling tidak bahagia ialah mereka yang paling takut pada perubahan.”

*Mignon McLaughlin*



## **WANG RIZAB**

### **1.0 DEFINISI**

‘Wang Rizab Universiti’ adalah pendapatan daripada penjanaan sumber dalaman Universiti dan lebihan serta penjimatan daripada peruntukan mengurus tahunan Universiti.

### **2.0 PUNCA KUASA**

Kuasa melulus bagi semua perbelanjaan yang menggunakan Wang Rizab Universiti adalah LPU.

### **3.0 GARIS PANDUAN PENGGUNAAN WANG RIZAB UPNM**

- a) Wang Rizab Universiti adalah bertujuan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan tertentu yang diluluskan dari masa ke semasa oleh LPU.
- b) Wang Rizab UPNM boleh digunakan untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan, pembangunan Universiti, menampung elaun-elaun dan emolumen staf serta sebarang keperluan yang difikirkan wajar oleh LPU.
- c) Prosedur Perolehan bagi perolehan yang menggunakan sumber peruntukan Wang Rizab adalah tertakluk kepada tatacara yang terkandung di dalam Garis Panduan Pengurusan Kewangan UPNM yang sedang berkuatkuasa. Walaubagaimanapun sebarang **pengecualian** daripada prosedur perolehan semasa perlu mendapat kelulusan LPU.
- d) Cadangan penggunaan Wang Rizab Universiti hendaklah dibincangkan dalam mesyuarat di peringkat Pengurusan Universiti sebelum dibawa untuk kelulusan LPU. Penggunaan Wang Rizab Universiti adalah tertakluk kepada polisi rizab universiti seperti di para 3.5.
- e) Wang Rizab Universiti hendaklah disimpan dan sentiasa berada pada paras bersamaan dengan kos sebulan

emolumen biasa tidak termasuk bonus yang dikira pada bulan pertama setiap tahun yang berkenaan.

#### **4.0 PEMATUHAN DAN KUAT KUASA**

Garis Panduan Penggunaan Wang Rizab UPNM perlu dipatuhi sepenuhnya untuk memastikan pengurusan wang rizab adalah telus dan teratur.